

29 SEP 1998

Parlimen-Mahathir (Anwar)

ANWAR DITAHAN ISA KERANA MENGHASUT, KATA PM

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Persidangan khas Dewan Rakyat hari ini diberitahu bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana cuba menghasut penyokongnya untuk memulakan rusuhan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat kaitan yang jelas menunjukkan bahawa ucapan Anwar di Masjid Negara membakar semangat para penyokongnya membuat kekacauan di beberapa kawasan.

"Sebagai seorang peminat yang terkenal dan bekas ketua pergerakan pelajar, beliau tahu apa yang diucapkannya boleh membakar semangat penyokong," katanya menjawab dakwaan Ketua Pembangkang Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) berhubung penahanan Anwar semasa perbahasan Rang Undang-Undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

Sebaik sahaja Dr Mahathir selesai membentangkan rang undang-undang itu, Lim bangun untuk membahar tetapi terus menyentuh soal penahanan Anwar dan menuduh kerajaan tidak berlaku adil.

Dr Mahathir kemudian bangun dan berkata polis telah memaklumkan Anwar bahawa perhimpunan-perhimpunan yang diadakannya adalah salah di sisi undang-undang tetapi beliau (Anwar) meneruskannya juga.

"Polis tidak akan menggunakan ISA tetapi apabila beliau menggunakan masjid untuk merusuh itu sudah salah," katanya.

Perdana Menteri juga berkata antara sebab Anwar tidak dihadapkan di mahkamah lebih awal kerana terdapat ugutan bahawa rusuhan akan diadakan secara besar-besaran di seluruh negara.

"Harapan Anwar ialah supaya saya berundur dan dia dilepaskan tanpa perbicaraan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata pemecatan menteri-menteri adalah perkara biasa yang berlaku di banyak negara tetapi tidak berlaku sebarang kekacauan.

Pembangkang, diketuai Lim, kerap kali mengganggu ucapan Dr Mahathir dengan membuat pelbagai tuduhan terutamanya berhubung tindakan yang diambil terhadap Anwar.

Selain mempersoal tindakan Perdana Menteri mengambil tindakan sebelum tuduhan terhadap Anwar didengar di mahkamah, Lim juga bertanya sama ada Dr Mahathir mempunyai bukti bahawa Anwarlah yang menyuruh para penyokongnya merusuh.

Dr Mahathir berkata Anwar bukan secara langsung menyuruh penyokongnya melakukan rusuhan tetapi menerusi ucapan-ucapannya yang "membakar semangat" para penyokongnya, beliau memang mahu agar rusuhan dimulakan.

Menurutnya lagi, tindakan penyokong Anwar menggunakan masjid dan melaung-laungkan kalimat suci sebagai tanda menyokongnya adalah salah kerana masjid adalah tempat untuk beribadat dan bukan untuk kegiatan politik sehingga mengganggu orang lain yang hendak berbuat ibadat di masjid.

Lim juga beberapa kali ditegur oleh Timbalan Speaker Datuk Ong Tee Kiat agar memfokuskan perbahasannya kepada soal pokok selepas beberapa orang penyokong kerajaan bangun untuk membantah perbahasannya.

Ekoran kedegilan Lim, pembesar suaranya kemudian dipadam oleh Ong dan perbahasan disambung Anggota Parlimen Kepong Dr Tan Seng Giaw.

Sebelum itu, sebelum sempat Dr Mahathir memulakan ucapannya, Karpal Singh (DAP-Jelutong) bangkit untuk mengemukakan usul meminta persidangan khas hari ini ditangguhkan sehingga esok bagi membolehkan kesemua anggota dewan meneliti kelima-lima rang undang-undang yang hendak dibentangkan pada persidangan dua hari itu.

Bagaimanapun, Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail menolak usul itu, kerana menurutnya, mereka telah diberi masa yang cukup untuk menelitinya kerana kelima-lima rang undang-undang itu telah diserahkan kepada anggota-anggota dewan pada Sabtu lepas.

-- BERNAMA  
HAK MOK WAT